

**Parlimen: Tidak Boleh Politikkan Isu Keselamatan Dan Aset Pertahanan Negara
Bernama
29 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Hal-hal berkaitan keselamatan dan aset pertahanan negara tidak boleh dipolitikkan kerana ia boleh menjejaskan keselamatan negara, Dewan Rakyat diberitahu Khamis.

Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad berkata kesan daripada elemen-elemen yang dipolitikkan itu secara tidak langsung telah mendedahkan rahsia keselamatan dan kesiapsiagaan negara kepada musuh yang tidak dikenali.

"Dulu kita tahu siapa musuh kita, dulu ada musuh tradisional tapi sekarang tidak ada lagi, hanya bukan ancaman tradisional.

"Oleh itu, dalam hal-hal bersangkut paut dengan keselamatan dan aset pertahanan tiada kompromi untuk dipolitikkan, yang lain boleh dipolitikkan tapi tidak keselamatan negara dan aset pertahanan kita," katanya ketika menjawab soalan tambahan Datuk Mohamad Aziz (BN-Sri Gading) yang ingin tahu mengenai tahap kesiapsiagaan anggota keselamatan negara.

Menjawab soalan Nasharudin Mat Isa (Pas-Bachok), Dr Abdul Latiff berkata kerajaan sememangnya mengikut peraturan dan arahan perbendaharaan dalam proses perolehan ketenteraan dan aset pertahanan negara.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655660>